

Program 1Azam (Akhir Zaman Miskin)

• Penjenamaan baru bagi program peningkatan pendapatan di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) Meningkatkan Taraf Hidup Isi Rumah Berpendapatan Rendah (LIH) yang diterajui oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM).

Tujuan

- Menyediakan peluang kepada rakyat berpendapatan rendah untuk menjana dan seterusnya meningkatkan pendapatan.
- Memperkasa ekonomi rakyat berpendapatan rendah.
- Menggalakkan rakyat berpendapatan rendah untuk berdikari.

Ada empat jenis Program AZAM iaitu:

AZAM Kerja - membantu memadamkan golongan miskin dan miskin tegar dengan peluang pekerjaan yang ada dan menggalakkan mereka mengambil peluang pekerjaan dalam sektor yang kekurangan tenaga rakyat Malaysia seperti pekerja restoran makanan segera, pelayan restoran dan pekerja hotel. Program ini dijalankan oleh Kementerian Sumber Manusia.

AZAM Niaga - menggalakkan keusahawanan dan penubuhan perniagaan kecil seperti makanan, masakan, dan perniagaan sejuk beku dengan menyediakan latihan dan dana. Projek ini dijalankan oleh Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) dan KPWKM.

AZAM Khidmat - memberi kemudahan menubuhkan perniagaan perkhidmatan kecil, termasuk perniagaan berasaskan inovasi seperti spa, perkhidmatan jahitan dan andaman pengantin. Program ini dijalankan oleh AIM dan KPWKM.

AZAM Tani - membantu golongan miskin dan miskin tegar terbahit dalam perniagaan berasaskan pertanian secara kecil-kecilan yang mendatangkan hasil cepat seperti penternakan ayam itik dan akuakultur, dengan menyediakan dana dan latihan. Projek ini dijalankan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

Guna bantuan kembang perniagaan



RAHAYU turut mendapat tempahan membuat sambal pecal kering dikenali dengan nama 'Sambal Pecal Jawa Kak Ayu'.

Metro 17/3/13 MS 45.

Pada awalnya wanita ini berniaga kuih-muih, biskut dan pelbagai barangan hartanah untuk majlis raja sehari secara kecil-kecilan, tetapi selepas perniagaannya dikomersialkan dengan bantuan pelbagai agensi kerajaan, aktiviti suka-suka itu kini menjadi sumber pendapatan utamanya.

Beroperasi di rumahnya di Kampung Sungai Serdang, Klang, Selangor, Rahayu Mad Kapot, 43, kini bukan saja menjalankan perniagaan membuat biskut raya sejak dua tahun lalu, malah mempelbagaikan pengeluaran dengan membuat pecal (sambal) kering.

Bantuan peralatan membuat kuih yang diterima melalui Projek Azam Tani dari Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) digunakan sebaik-baiknya bagi mengembangkan perniagaan tempahan makanan.

Bagi memudahkan operasinya, Rahayu membesarkan rumahnya untuk menempatkan mesin membuat kuih selain dijadikan tempat memproses biskut serta membuat sambal pecal bagi memenuhi permintaan pelanggan.

Menurut Rahayu, keti-

kut ini pernah dipasarkan ke luar negeri, tapi kos penghantaran tinggi sedangkan harga penjualan tidak seberapa.

"Oleh itu, saya hanya menumpu perhatian kepada pelanggan tempatan, terutama sekitar Lembah Klang," katanya.

Di rumahnya, Rahayu dibantu suami yang sentiasa menemaninya sehingga lewat malam bagi menyiapkan tempahan, terutama pada musim perayaan.

Bagi memastikan biskut tahan lama, ia dibakar pada suhu tertentu untuk tempoh lama. Malah, berdasarkan pengalamannya, biskut itu didapati berada dalam keadaan baik untuk tempoh empat atau lima bulan selepas dihasilkan.

Bantuan serta kursus pemrosesan hasil bake-ri yang diberi oleh MARDI menerusi Projek Azam Tani di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat memudahkan mempercepatkan lagi tugas menyiapkan tempahan.

Ibu empat anak ini mengakui persaingan sengit di hadapi sangat mencabar, tapi percaya segala-galanya

bergantung kepada rezeki masing-masing.

"Setiap orang ada kelebihan tersendiri menghasilkan biskut raya. Bagi saya, sungguhpun lama bergiat dalam bidang ini, saya masih ingin menimba pengetahuan.

"Lantaran itu, saya berusaha belajar dan cuba resipi baru kerana setiap tahun, seboleh-bolehnya mahu memperkenalkan dua atau tiga jenis biskut baru," katanya.

Biskut tart nanas keluarganya menerima tempahan tinggi setiap kali musim perayaan, manakala jenis biskut lain termasuk coklat badam, tat buah, 'mufin' dan biskut gajus mendapat perhatian ketika Aidilfitri dan majlis perkahwinan.

"Saya bersyukur dengan rezeki dikurniakan. Jika dulu tidak berpeluang menabung kerana pendapatan hanya cukup makan, kini saya boleh menyimpan wang untuk masa depan anak.

"Dengan hasil jualan biskut yang pertama, saya dan suami mampu membeli van untuk kemudahan perniagaan dan kegunaan harian keluarga," katanya.

Kriteria Untuk Menyertai Program IAZAM

- Berdaftar sebagai penerima bantuan kebajikan di dalam sistem pangkalan data dikenali sebagai sistem eKasih yang dikendalikan oleh Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri.
- Termasuk dalam kategori miskin tegar (pendapatan isi rumah kurang RM460 sebulan) atau miskin (kurang RM760) atau golongan berpendapatan rendah RM2,300 dan ke bawah.
- Ketua isi rumah (KIR) atau ahli isi rumah yang produktif berumur 18 hingga 59 tahun.

han tidak terasa apabila perniagaan diceburinya memberi pulangan dan kepuasan peribadi yang tidak terhingga selain mengurangkan beban keluarga.

“Ketika memperkenalkan perniagaan ini, saya menghantar contoh biskut ke pejabat serta sekolah berhampiran selain menerima tempahan daripada rakan dan jiran.

“Alhamdulillah, semakin lama usaha saya menunjukkan peningkatan. Malah, satu ketika dulu bis-

